

Waspada jika dekati Alice

Oleh SHAHRULANOOR ISHAK

berita@kosmo.com.my

SEMUA orang sukakan perhatian tetapi tidak sampai ke tahap selalu diekori orang yang tidak dikenali walaupun ada sekadar mahu berkenalan.

Bagi Alice Demi, (gambar) 21, walaupun ada kemungkinan niat mereka baik, dia tetap mengutamakan keselamatan diri.

Pendekatan yang diambilnya sewaktu keluar rumah ialah tidak lupa membawa penyembur lada.



"Untuk mengelak diganggu secara 'tidak sopan' atau dikasari, saya memang sentiasa bawa penyembur lada.

"Tapi yang pastinya saya jarang keluar sendirian. Biasanya bawa kawan," kata anak kedua daripada tiga adik-beradik keturunan Iban

itu.

Menceritakan pengalamannya, gadis yang baru sahaja menerima Diploma Pengimejan Perubatan dalam Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi Mara (UTM) pada 11 September lepas berkata, sikapnya yang lebih berhati-hati ini timbul selepas satu peristiwa baru-baru ini.

Pada masa itu dia bersama seorang rakan diekori dua lelaki ketika mengikut jalan pintas yang agak sunyi dari Plaza Alam Sentral untuk menunggu teksi di hadapan Kompleks Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor.

"Waktu itu, hanya Tuhan yang tahu perasaan kami. Tapi kami buat tak nampak dan tangan saya sudah bersedia untuk memicit penyembur lada jika berlaku sesuatu di luar dugaan," katanya.

Bagaimanapun, dia masih rasa bersyukur kerana tidak pernah ditimpa kejadian buruk walaupun sering diekori orang yang tidak dikenali.

Gadis dari Miri itu kini sedang menyambung pengajian di UTM dalam program Ijazah Sarjana Muda Pengimejan Perubatan demi mencapai cita-cita menjadi pakar sinar X.

